



Kementerian Kesihatan  
Malaysia

# POLISI PENGURUSAN PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

**MS ISO 37001: 2016  
Anti-Bribery Management System**

**Tahun 2019**

Unit Integriti Kementerian Kesihatan Malaysia

# Perutusan

Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia



**Salam Sejahtera,**

Pelan Antirasuah Nasional 2019 – 2023 telah mengenal pasti antara punca utama perlakuan rasuah merupakan kelemahan pentadbiran dan percanggahan kepentingan. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga berpotensi tinggi terlibat dalam percanggahan kepentingan ketika menyampaikan perkhidmatan kepada masyarakat.

Oleh yang demikian, demi menyahut seruan Kerajaan dalam menangani percanggahan kepentingan, KKM telah melaksanakan pelbagai usaha dan inisiatif antaranya membangunkan **Polisi Pengurusan Percanggahan Kepentingan**.

Polisi ini bertujuan untuk memberi panduan kepada warga KKM berkaitan tatacara pengurusan percanggahan kepentingan dalam pelaksanaan tugas awam dan urusan rasmi. Polisi ini juga boleh menjadi rujukan kepada pihak ketiga yang berurusan dengan KKM bagi mengelakkan percanggahan kepentingan oleh warga KKM yang menjurus kepada pelanggaran tatakelakuan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993.

Harapan saya dengan pelaksanaan Polisi ini dapat menjadikan KKM sebagai Kementerian yang bebas perlakuan rasuah dan mengutamakan amalan kerja yang telus dan amanah.

Sekian, terima kasih.



DATO' SERI DR. CHEN CHAW MIN

17 April 2019

## KANDUNGAN

1.	Pendahuluan	1
2.	Tujuan	1
3.	Pemakaian	1
4.	Takrifan	1
5.	Pernyataan Dasar	2
6.	Pengisytiharan Kepentingan	3
7.	Percanggahan Kepentingan oleh Anggota Pentadbiran	4
8.	Pematuhan	4
9.	Pertanyaan dan Pelaporan	5
10.	Penutup	5
11.	Rujukan	6
12.	Penghargaan	7

## **1. PENDAHULUAN**

Ketika menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai penjawat awam, warga Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mungkin berada di dalam percanggahan kepentingan yang menyebabkan mereka tidak dapat bertindak secara objektif dan telus; sekaligus sukar membuat keputusan secara adil dan saksama berkaitan urusan rasmi.

## **2. TUJUAN**

Polisi ini diwujudkan bertujuan untuk memberikan panduan kepada warga KKM dalam menangani isu percanggahan kepentingan.

## **3. PEMAKAIAN**

Polisi ini terpakai kepada semua warga KKM. Polisi ini juga hendaklah dijadikan panduan oleh pemegang taruh, rakan niaga atau mana-mana individu / organisasi yang berurusan dengan warga / fasiliti KKM.

## **4. TAKRIFAN**

### **Percanggahan kepentingan**

Apa-apa tingkah laku atau cara yang boleh menyebabkan pegawai telah membiarkan kepentingan peribadi bercanggah dengan kepentingan awam; atau menggunakan kedudukan awamnya bagi faedahnya sendiri, saudara atau sekutu.

## **Warga KKM**

Merujuk kepada pegawai dan kakitangan yang berkhidmat di KKM sama ada melalui lantikan tetap, sementara, sangkut, pinjaman, kontrak atau sambilan termasuk lantikan politik.

## **Saudara dan sekutu**

Merujuk kepada tafsiran “saudara” dan “sekutu” di bawah Seksyen 3, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 (Akta 694).

## **Anggota Pentadbiran**

Merujuk kepada tafsiran “Anggota Pentadbiran” di bawah Fasal (2), Perkara 160, Perlembagaan Persekutuan.

## **Pihak ketiga**

Kontraktor, vendor, pembekal, organisasi, persatuan atau mana-mana pihak yang berurusan dengan KKM.

## **5. PERNYATAAN DASAR**

- 5.1 KKM sentiasa berusaha menerapkan serta memperkukuhkan nilai-nilai integriti, akauntabiliti dan profesionalisme dalam semua urusan rasmi.
- 5.2 Selaras dengan usaha dan komitmen tersebut, warga KKM adalah **dilarang** untuk:
- i. mempunyai **kepentingan peribadi / kewangan** dengan pihak ketiga yang terlibat dengan apa-apa urusan rasmi di KKM;
  - ii. menyalurkan apa-apa **maklumat terperingkat** berkaitan KKM yang membolehkan pihak ketiga mendapat manfaat dalam apa-apa urusan rasmi di KKM;

- iii. menjalankan apa-apa bentuk transaksi dengan menggunakan **akaun peribadi** dengan pihak ketiga yang mempunyai urusan rasmi di KKM;
- iv. menerima **yuran / komisen / apa-apa barangan bernilai** daripada pihak ketiga yang mempunyai urusan rasmi di KKM; dan
- v. menggunakan **kedudukan rasmi** untuk mengembangkan kemajuan kerjaya saudara dan sekutu di KKM.

## 6. PENGISYTIHARAN KEPENTINGAN

- 6.1 Warga KKM yang mempunyai percanggahan kepentingan dalam mana-mana proses kerja **hendaklah mengisytiharkan** kepentingannya secara bertulis kepada Ketua Jabatan.
- 6.2 Ketua Jabatan **hendaklah menggantikan** mana-mana warga KKM yang telah mengisytiharkan kepentingannya dengan pegawai yang tidak mempunyai kepentingan dalam proses kerja tersebut.
- 6.3 Warga KKM yang mempunyai percanggahan kepentingan dan terlibat **membuat keputusan** dalam mana-mana mesyuarat **hendaklah mengisytiharkan** kepentingannya secara lisan kepada mesyuarat serta **meninggalkan mesyuarat** tersebut.
- 6.4 Urus setia mesyuarat **hendaklah merekodkan** pengisytiharan kepentingan pegawai dan tindakan pegawai tersebut meninggalkan mesyuarat dalam minit mesyuarat.

## 7. PERCANGGAHAN KEPENTINGAN OLEH ANGGOTA PENTADBIRAN

- 7.1 Kod Etika Bagi Anggota Pentadbiran Dan Ahli Parlimen yang dikeluarkan pada Disember 2018 menetapkan bahawa Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen **hendaklah memastikan tidak berlaku percanggahan kepentingan** antara jawatan awamnya dan kepentingan peribadinya. Percanggahan kepentingan boleh berlaku akibat pengaruh dan kuasa yang ada pada Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen selaku Kerajaan.
- 7.2 Anggota Pentadbiran **hendaklah mengisytiharkan** kepentingan mereka sekiranya dalam menjalankan tugas-tugas rasmi, mereka berhadapan dengan kepentingan peribadi yang bercanggah dengan kepentingan awam.

## 8. PEMATUHAN

- 8.1 Kegagalan atau keengganan warga KKM mematuhi Polisi ini boleh disifatkan sebagai ingkar perintah dan dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993.
- 8.2 Pelanggaran Polisi ini oleh pihak ketiga akan dimaklumkan kepada Perbendaharaan Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau mana-mana Badan Pengawal berkaitan untuk tindakan.

## **9. PERTANYAAN DAN PELAPORAN**

Sebarang pertanyaan atau pelaporan pelanggaran terhadap Polisi ini boleh dikemukakan melalui saluran berikut:

**Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 5, Blok E3, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 Putrajaya  
(u.p: Ketua Unit Integriti)**

**Emel: [integriti@moh.gov.my](mailto:integriti@moh.gov.my)**

## **10. PENUTUP**

Polisi ini menjadi parameter kepada warga KKM bagi mengelakkan diri berada dalam keadaan konflik dan krisis antara kepentingan awam dengan kepentingan peribadi. Pematuhan kepada Polisi ini mendorong warga KKM ke arah tingkah laku baik serta menjadi contoh dalam menyampaikan perkhidmatan kesihatan yang cemerlang.



## **RUJUKAN**

1. Perlembangaan Persekutuan
2. Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)
3. Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993
4. Kod Etika Bagi Anggota Pentadbiran Dan Ahli Parlimen, Jabatan Perdana Menteri yang dikeluarkan pada Disember 2018
5. Pelan Antirasuah Nasional 2019 – 2023

## **PENGHARGAAN**

Sekalung ucapan terima kasih dan tahniah dirakamkan kepada **Jawatankuasa Pembangunan Polisi Percanggahan Kepentingan Kementerian Kesihatan Malaysia** atas sumbangan idea dan cetusan minda seperti berikut:

1. Encik Nazli Rasyid bin Hj. Sulong  
Ketua Penolong Kanan Pesuruhjaya
2. Encik Muniswaran a/l Gunasegaran  
Ketua Penolong Setiausaha Kanan
3. Puan Nur Aiena binti Othman  
Ketua Penolong Setiausaha
4. Dr. Yusaini bin Yusoff  
Ketua Penolong Setiausaha
5. Puan Aida Rahila binti Rusmahini  
Ketua Penolong Setiausaha
6. Encik Mohammad Zawawi bin Hussin  
Penolong Pesuruhjaya
7. Puan Asmida binti Md Saad  
Penolong Setiausaha Kanan
8. Puan Nurulain binti Mohd Taib  
Penolong Setiausaha
9. Encik Nadhirul Mubin bin Ramli  
Pegawai Tadbir

Penghargaan juga dirakamkan kepada warga Unit Integriti yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membangunkan Polisi ini.

*Sirap Selasih Di Dalam Kendi,  
Ketupat Palas Kacang Merah,  
Terima Kasih Sekalung Budi,  
Tidak Terbalas Jasa Dicurah.*

**Unit Integriti**  
**Kementerian Kesihatan Malaysia**  
**Aras 5, Blok E3, Kompleks E**  
**Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan**  
**62590 W.P PUTRAJAYA**



**: [integriti@moh.gov.my](mailto:integriti@moh.gov.my)**



**: [Unit Integriti KKM](#)**